

**METODOLOGI PENTAFSIRAN ALIRAN FIQH:  
KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT HUKUM  
IBADAT DALAM *TAFSIR AL-AZHAR***

**MUHAMMAD YUSRY AFFANDY BIN MD ISA**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2017**

**METODOLOGI PENTAFSIRAN ALIRAN FIQH:  
KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT HUKUM  
IBADAT DALAM *TAFSIR AL-AZHAR***

**oleh**

**MUHAMMAD YUSRY AFFANDY BIN MD ISA**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2017**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih.

Segala kesyukuran dipanjatkan kepada Allah S.W.T kerana telah menganugerahkan semangat serta kesabaran yang tinggi kepada saya dalam menyiapkan tesis yang berkaitan dengan metodologi pentafsiran al-Quran ini. Tesis ini yang berjudul *Metodologi Pentafsiran Aliran Fiqh: Kajian Terhadap Ayat-Ayat Hukum Ibadat Dalam Tafsir al-Azhar* berjaya dilaksanakan dengan bantuan serta sokongan pelbagai pihak.

Dengan kesempatan berharga ini, saya ingin merakamkan rasa terhutang budi kepada penyelia tesis iaitu *al-Faḍīl* Prof. Madya Dr. Jasni b. Sulong atas bimbingan, ilmu serta didikan penuh dedikasi yang dicurahkan selama ini. Keilmuan dan kemuliaan peribadinya amat dihargai dan diingati sepanjang perjuangan kajian saya ini. Sekalung penghargaan turut ditujukan kepada para pemeriksa tesis; Prof. Dato' Dr. Zulkifli b. Mohd Yusoff, Prof. Madya Dr. Atikullah b. Abdullah, Dr. Mohd. Nizam b. Sahad serta pengerusi majlis *viva voce* tesis; Prof. Dato. Dr. Mohd. Mokhtar b. Saidin dan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan; Prof. Dr. Narimah bt. Samat di atas segala cadangan dan pedoman yang dihulurkan bagi menyempurnakan kajian ini.

Tidak dilupakan juga ucapan penghargaan kepada para pensyarah dan para pegawai Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (PPIK) Universiti Sains Malaysia di atas segala tunjuk ajar dan kerjasama yang jitu. Kerjasama dan kemudahan yang baik turut diberikan pihak Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia,

Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kolej Universiti Insaniah serta Perpustakaan Awam Negeri Kedah.

Tanpa dilupakan, proses pengajian peringkat Doktor Falsafah Pengajian Islam ini berjalan dengan lancar dengan kewujudan sokongan dan penganjuran daripada pihak Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Penghargaan yang tinggi ditujukan kepada pihak terbabit yang memberi kesempatan pada saya meraih Hadiah Latihan Pengajian (HLP). Penganjuran berkenaan telah banyak memberi manfaat buat diri dan rakan-rakan seperjuangan dalam mempertingkatkan tahap pencapaian ilmu ke tahap lebih gemilang.

Jutaan terima kasih pada sesi keluarga terutamanya isteri yang dikasih Puan Ribhan bt. Hj. Ibrahim yang banyak berkorban, menyumbang pendapat dan keringat serta mendokong perjuangan saya dalam menyiapkan tesis ini. Tidak dilupakan pada bonda Puan Ramlah bt. Muhamad yang banyak memberi sokongan berharga dan termasuk pengorbanan dan kasih sayang yang ditunjukkan anakanda tercinta ‘Iz Hafy, ‘Aish ‘Ayyash dan Unais A‘mash seluruh kerabat keluarga serta rakan taulan yang banyak menyokong sepanjang pengajian peringkat doktor falsafah saya di Universiti Sains Malaysia.

Allah S.W.T jualah yang dapat menganugerahkan sebaik-baik balasan bagi mereka yang banyak berbakti ini. Mudah-mudahan dengan terhasil tesis ini, saya berupaya menyumbang sesuatu implikasi yang positif dalam pembangunan ilmu dan seterusnya berupaya menjayakan penghayatan Islam di kalangan masyarakat tercinta.

## **ISI KANDUNGAN**

PENGHARGAAN .....	ii
ISI KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL.....	viii
PANDUAN TRANSLITERASI .....	x
SENARAI KEPENDEKAN .....	xiii
ABSTRAK.....	xv
ABSTRACT .....	xvii

### **BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan .....	1
1.2 Peryataan Masalah .....	8
1.3 Soalan Kajian .....	16
1.4 Objektif Kajian.....	16
1.5 Kepentingan Kajian .....	17
1.6 Skop Kajian.....	19
1.7 Tinjauan Literatur .....	20
1.8 Metodologi Kajian .....	32
1.8.1 Kaedah Pengumpulan Data.....	32
1.8.2 Kaedah Analisis Data.....	33
1.9 Definisi Operasional .....	35

### **BAB DUA: KONSEP ILMU TAFSIR DAN PENTAFSIRAN AYAT-AYAT HUKUM IBADAT**

2.1 Pengenalan .....	39
2.2 Pengertian Tafsir dan Perkembangan Tafsir .....	39
2.2.1 Perbezaan <i>Tafsīr</i> dan <i>Ta’wīl</i> .....	41
2.2.2 Keutamaan Tafsir.....	44

2.2.3 Syarat-Syarat <i>Mufassir</i> .....	46
2.2.4 Adab Seorang <i>Mufassir</i> .....	50
2.3 Metodologi Pentafsiran Al-Quran.....	51
2.3.1 Pentafsiran Berdasarkan al-Quran .....	52
2.3.2 Pentafsiran Berdasarkan al-Sunnah .....	58
2.3.3 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat dan Ijtihad Sahabat .....	63
2.3.4 Pentafsiran Berdasarkan Pendapat Tabi'in .....	68
2.4 Sejarah Perkembangan Ilmu Tafsir.....	69
2.4.1 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Rasulullah S.A.W .....	70
2.4.2 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Sahabat.....	74
2.4.3 Perkembangan Tafsir Pada Zaman Tabi'in.....	77
2.4.4 Tokoh- Tokoh <i>Mufassir</i> dan Klasifikasi Tafsiran al-Quran .....	80
2.4.4(a) Tafsir Zaman <i>Mutākhirīn</i> .....	82
2.4.4(a)(i) Definisi <i>al-Tafsīr bi al-Ma'thūr</i> .....	82
2.4.4(a)(ii) Definisi <i>al-Tafsīr bi al-Ra'yī</i> .....	84
2.4.4(b) Tafsir Zaman Moden .....	86
2.5 Kaedah Penyusunan Tafsir .....	89
2.5.1 Kaedah <i>al-Ijmālī</i> .....	89
2.5.2 Kaedah <i>al-Taḥlīlī</i> .....	90
2.5.3 Kaedah <i>al-Muqāran</i> .....	91
2.5.4 Kaedah <i>al-Mawdū'i</i> .....	91
2.5.5 Kaedah <i>al-Turjumah</i> .....	93
2.6 Tema Pentafsiran .....	94
2.6.1 <i>Tafsīr al-Šūfī</i> .....	95
2.6.2 <i>Tafsīr al-Fiqhī</i> .....	96
2.6.3 <i>Tafsīr al-Harakī</i> .....	97
2.6.4 <i>Tafsīr al-Falsafī</i> .....	98
2.6.5 <i>Tafsīr al-'Ilmī</i> .....	99
2.7 Hubungan Pentafsiran al-Quran Dengan Ilmu Fiqh .....	101
2.7.1 Konsep Ilmu Fiqh .....	104
2.7.2 Konsep Ilmu Ayat Hukum .....	108
2.8 Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum.....	111
2.8.1 Kaedah Penjelasan Ayat-Ayat Hukum .....	114

2.8.2 Konsep karya <i>Tafsīr al-Fiqhī</i> dan Metodologi Pentafsiran .....	122
2.9 Metodologi Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum Ibadat .....	139
2.9.1 Kepentingan Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum Ibadat .....	153
2.10 Kesimpulan .....	154

## **BAB TIGA: KETOKOHAN HAMKA SEBAGAI MUFASSIR**

3.1 Pengenalan .....	157
3.2 Kelahiran dan Latarbelakang .....	157
3.3 Pengajian Dalam Lapangan Ilmu.....	161
3.4 Penglibatan Sebagai Sasterawan.....	167
3.5 Penglibatan Sebagai Ahli Politik .....	172
3.6 Ketokohan Hamka Selaku Ulama dan Sumbangan Dalam Pentafsiran al-Quran .....	176
3.6.1 Sumbangan Hamka Dalam Pentafsiran al-Quran .....	180
3.6.2 <i>Tafsir al-Azhar</i> .....	188
3.6.3 Sumber Pentafsiran al-Quran yang Digunakan Hamka .....	192
3.6.4 Keistimewaan Hamka Dalam Pentafsiran al-Quran .....	197
3.7 Keperibadian dan Cabaran Dalam menyampaikan Tafsiran al-Quran .....	206
3.8 Sumbangan Terhadap Dunia Islam dan Nusantara .....	212
3.9 Kesimpulan .....	216

## **BAB EMPAT: ANALISIS METODOLOGI HAMKA PADA AYAT-AYAT HUKUM IBADAT, TAFSIR AL-AZHAR**

4.1 Pengenalan .....	218
4.2 Pentafsiran Hamka Berhubung Ayat Hukum Ibadat .....	218
4.3 Kedudukan Ayat-Ayat Hukum Ibadat .....	221
4.4 Susunan Penulisan Pentafsiran Ayat Hukum Ibadat.....	223
4.5 Metodologi Pentafsiran Ayat-Ayat Hukum Ibadat .....	228
4.5.1 Menggunakan Dalil al-Quran .....	230
4.5.2 Menggunakan Dalil al-Sunnah .....	237
4.5.3 Menggunakan Perantaraan <i>Asbāb al-Nuzūl</i> .....	249
4.5.4 Mengemukakan Pendapat Ulama .....	252

4.5.5 Mengemukakan Pendapat Sarjana Barat .....	260
4.5.6 Menerapkan Ilmu Sirah.....	261
4.5.7 Menerapkan Ilmu-Ilmu Fiqh.....	263
4.5.8 Menerapkan <i>Qawā'id Fiqhiyyah</i> .....	268
4.5.9 Menggunakan Perantaraan Bahasa Arab .....	270
4.5.10 Menggunakan Perantaraan Bahasa Inggeris .....	273
4.5.11 Menggunakan Perantaraan Bahasa Tempatan .....	275
4.5.12 Mengemukakan Ijtihad Peribadi .....	277
4.5.13 Mengemukakan Ilmu Akademik.....	279
4.5.14 Mengemukakan Pengalaman Peribadi .....	284
4.5.15 Mengemukakan Kisah Masyarakat dan Kisah Tauladan.....	286
4.6 Kesimpulan .....	288

## **BAB LIMA: KESIMPULAN DAN SARANAN**

5.1 Pengenalan .....	289
5.2 Kesimpulan Keseluruhan .....	289
5.3 Saranan.....	302
5.4 Penutup .....	304

<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>306</b>
--------------------------	------------

## **LAMPIRAN**

Lampiran A: Jadual maklumat kajian .....	324
Lampiran B: Bahan kajian .....	365

## **SENARAI JADUAL**

	<b>Halaman</b>
Jadual 4.3 Kedudukan ayat-ayat hukum ibadat .....	221
Jadual 4.4 Kedudukan metodologi pentafsiran hamka dalam ayat-ayat hukum ibadat.....	228
Jadual 4.5 Kedudukan dalil al-Quran dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	237
Jadual 4.6 Kedudukan status hadith dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.....	248
Jadual 4.7 Kedudukan dalil al-Sunnah dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	248
Jadual 4.8 Kedudukan <i>Asbāb al-Nuzūl</i> dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	252
Jadual 4.9 Kedudukan pendapat ulama utama dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.....	259
Jadual 4.10 Kedudukan pendapat mazhab dalam pentafsiran ayat hukum ibadat..	260
Jadual 4.11 Kedudukan pendapat Sarjana Barat dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.....	261
Jadual 4.12 Kedudukan ilmu Sirah dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	263
Jadual 4.13 Kedudukan ilmu Fiqh dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	267
Jadual 4.14 Kedudukan penerapan <i>Qawā‘id Fiqhiyyah</i> dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	270
Jadual 4.15 Kedudukan metod penggunaan perantaraan Bahasa Arab dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	273
Jadual 4.16 Kedudukan metod penggunaan perantaraan Bahasa Inggeris dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	275

Jadual 4:17 Kedudukan metod penggunaan perantaraan bahasa tempatan dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	277
Jadual 4.18 Kedudukan kedudukan ijtihad Hamka dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.....	279
Jadual 4:19 Kedudukan ilmu akademik dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.....	283
Jadual 4:20 Kedudukan metod pengemukaan pengalaman peribadi dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	286
Jadual 4:21 Kedudukan metod pengemukaan kisah masyarakat dan kisah tauladan dalam pentafsiran ayat hukum ibadat .....	288
Jadual 4.22 Perkembangan pentafsiran al-Quran.....	324
Jadual 4.23 Bidang kajian pentafsiran al-Quran .....	324
Jadual 4.24 Bidang kajian metodologi hamka dalam pentafsiran al-Quran .....	325
Jadual 4.25 Kedudukan halaman sumber rujukan dalam <i>Tafsir al-Azhar</i> .....	326
Jadual 4.26 Senarai kitab rujukan berdasarkan catatan yang terkandung dalam <i>Tafsir al-Azhar</i> .....	327
Jadual 4.27 Ijtihad dan pendapat Hamka dalam pentafsiran hukum ibadat.....	330

## PANDUAN TRANSLITERASI

Transliterasi yang diaplikasikan dalam tesis ini adalah berpandukan rujukan *Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi*, Edisi kedua, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2008.

### I. HURUF

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	'	فَقْهَاءٌ	<i>fugahā'</i>
ب	b	بَاخْ	<i>bākhi'un</i>
ت	t	تَارِيخٌ	<i>tārīkh</i>
ث	th	مَحْدُثٌ	<i>muḥdath</i>
ج	j	جَامِعٌ	<i>jāmi'</i>
ح	ħ	تَحْلُلٌ	<i>taħallul</i>
خ	kh	تَخْرِيجٌ	<i>takhrīj</i>
د	d	دَارٌ	<i>dār</i>
ذ	dh	تَرْمِيْذِيٌّ	<i>Tirmīdhī</i>
ر	r	رَفْثٌ	<i>rafath</i>
ز	z	تَنْزِيلٌ	<i>tanzīl</i>
س	s	سَنْدٌ	<i>sanad</i>
ش	sh	شَرْحٌ	<i>sharḥ</i>
ص	ṣ	صَادٌ	<i>ṣād</i>
ض	ḍ	ضَعِيفٌ	<i>ḍa'iif</i>
ط	ṭ	تَطْوِعٌ	<i>taṭawwu'</i>
ظ	ẓ	ظَلَالٌ	<i>ẓilāl</i>
ع	'	عَلَىٰ	<i>'Alī</i>
غ	gh	غَلُوٌّ	<i>ghulū</i>
ف	f	فَكْرٌ	<i>fikr</i>
ق	q	قَرْطَبِيٌّ	<i>Qurṭubī</i>
ك	k	فَلَكٌ	<i>falak</i>
ل	l	لَسَانٌ	<i>lisān</i>
م	m	دَمٌ	<i>dam</i>
ن	n	قَرَانٌ	<i>qirān</i>
و	w	مَوْضُوعٌ	<i>mawḍū'i</i>
ه	h (ketika dimatikan bunyinya)	بَدْعَةٌ	<i>bid'ah</i>

	t (ketika dihidupkan bunyinya)		
ي	y	يعقوب	Ya 'qūb

## II. VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
أ	a	خلق	khalaqa
ع	u	عبد	na 'budu
إ	i	استعانا	isti 'ānah

## III. VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا / ی	ā	مالك	Mālik
و	ū	أصول	uṣūl
ي	ī	ضعف	da 'īf

## IV. DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
او	aw	توفيق	tawfiq
اي	ay	بيانات	bayyināt
ي	Iyy/ī	عربيّ	'Arabiyy atau 'Arabī
و	uww/ū	غلو	ghuluww atau ghulū

### Pengecualian:

Pengecualian daripada menggunakan panduan transliterasi adalah dalam hal berikut:

- Bagi akhir perkataan asal yang ditulis “ ة ” (*Tā' Marbūṭah*) dieja mengikut sebutan “ ة ”.
- Tanwin tidak dieja mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan, contoh: mahmudā (محموداً).
- Alif Lam* ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Syamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang.

Keseluruhan ejaan adalah berdasarkan huruf bukannya bunyi, contoh: al-Suyūṭī bukan as-Suyūṭī.

- iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu seperti al-Quran, hadith, Rasulullah, Muhammad, Sahabat, Tabi'in dan sebagainya. Semua perkataan Arab atau Inggeris (bahasa asing) diitalickan kecuali nama khas.

## SENARAI KEPENDEKAN

A.S.	<i>'Alaihi al-Salām</i>
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
b.	bin
bt.	binti
bil.	bilangan
Dr.	Doktor Falsafah; <i>Philosophy Doctorate</i>
Ed.	Editor
H.	Hijrah
Hj.	Haji
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> ; dalam rujukan sama
IIUM	<i>International Islamic Universiti of Malaysia</i>
Jil.	Jilid
l.	lahir
M.	Masihi
MASYUMI	Majlis Syura Muslimin Indonesia
no.	nombor
Ph.D.	<i>Doctor of Philosophy</i>
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKPIM	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PPIK	Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Prof.	Professor
R.A.	<i>Radiya 'llāhu 'an-hu</i>

S.A.W.	<i>Salla 'llāhu 'alay-hi wa Sallam</i>
S.W.T.	<i>Subḥāna-hu wa Ta'ālā</i>
Terj.	Terjemahan
t.h.	Tanpa halaman
t.t.	Tanpa tarikh
t.th	Tanpa tahun
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
w.	wafat

# **METODOLOGI PENTAFSIRAN ALIRAN FIQH: KAJIAN TERHADAP AYAT-AYAT HUKUM IBADAT DALAM TAFSIR AL-AZHAR**

## **ABSTRAK**

Kajian kualitatif ini mengkaji metodologi pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat yang terkandung dalam *Tafsir al-Azhar*. Objektif kajian telah mensasarkan pengkajian mengenai konsep ilmu tafsir dan pentafsiran ayat hukum ibadat, sumbangan Hamka dalam bidang pentafsiran al-Quran dan penganalisisan metodologi Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat. Permasalahan yang timbul, *Tafsir al-Azhar* menjadi sebahagian rujukan ilmu dalam masyarakat Indonesia dan Malaysia namun kandungannya mempunyai beberapa persoalan dan isu-isu dalam lapangan tafsir dan syariah. Hamka telah mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat berdasarkan sebahagian metodologi yang bertentangan dengan prinsip pegangan Mazhab Shafī‘ī dalam konteks amalan fiqh tempatan. Ini kerana *Tafsir al-Azhar* tidak menerapkan sepenuhnya Mazhab Shāfi‘ī meskipun mazhab ini menjadi dasar utama pengurusan agama di kedua buah negara. Hamka juga cenderung membebaskan pentafsirannya daripada terikat dengan sesuatu mazhab atau aliran pemikiran fiqh. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai kontroversi dan polemik tentang kesesuaian pemikiran beliau terutama dalam hal hukum ibadat. Pengkaji telah menggunakan dua kaedah utama kajian iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kaedah pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah kajian kepustakaan bagi mendapatkan data-data daripada sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama ialah *Tafsir al-Azhar* dan beberapa karya utama Hamka manakala sumber sekunder pula merangkumi kitab-kitab ilmiah, jurnal dan bahan bertulis yang lain. Metodologi kajian seterusnya mengaplikasikan kaedah analisis data berdasarkan tiga kaedah iaitu kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Dapatan kajian membuktikan bahawa ilmu tafsir dan ilmu

fiqh perlu digandingkan untuk mencapai maksud al-Quran dan Hamka terbukti berkemampuan dengan ilmu tersebut dalam mentafsirkan al-Quran. Pentafsirannya didapati selari dengan metodologi asas pentafsiran al-Quran dan berbetulan dengan kaedah-kaedah yang dipegang *mufassirin* dan ini melayakkan Hamka bergelar sebagai seorang *mufassir*. Analisis kajian ini mendapati terdapat lima belas metodologi pentafsiran Hamka terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat yang terkandung di dalam *Tafsir al-Azhar*. Metodologi tersebut ialah menggunakan dalil al-Quran, menggunakan dalil al-Sunnah, menggunakan perantaraan *Asbāb al-Nuzūl*, mengemukakan pendapat ulama, mengemukakan pendapat Sarjana Barat, menerapkan ilmu Sirah, menerapkan ilmu-ilmu Fiqh, menerapkan *Qawā'id Fiqhiyyah*, menggunakan perantaraan Bahasa Arab, menggunakan perantaraan Bahasa Inggeris, menggunakan perantaraan bahasa tempatan, mengemukakan ijtihad peribadi, mengemukakan ilmu akademik, mengemukakan pengalaman peribadi dan mengemukakan kisah masyarakat dan kisah tauladan. Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa metodologi Hamka bersesuaian dengan kaedah pentafsiran aliran fiqh meskipun terdapat beberapa aspek kekurangan seperti pendalilan separa sempurna, pengabaian sesetengah tafsiran hukum ibadat dan sesetengah rujukan para ulama. Walau bagaimanapun, metodologi pentafsiran Hamka boleh disimpulkan sebagai metodologi yang mengutamakan prinsip pentafsiran yang berasaskan ilmu Islam dan bersifat semasa dengan ilmu akademik dan pengalaman peribadi meskipun pentafsiran berhubung dengan hukum ibadat. Kajian ini berupaya menjadi rumusan penting dalam mengenali metodologi Hamka khasnya buat para pengkaji tafsir dan syariah dan secara umumnya kepada masyarakat Muslim Nusantara.

**THE METHODOLOGY OF INTERPRETATION BY *FIQHĪ* SCHOOL:**  
**A STUDY OF THE LEGAL VERSES OF THE QURAN PERTAINING**  
**TO *IBADAT* IN *TAFSIR AL-AZHAR***

**ABSTRACT**

This qualitative research is designed to investigate the Hamka's methodology of interpreting legal verses of the Quran regarding *ibadat* in *Tafsir al-Azhar*. The research aims to study about the conception of interpretation and the interpretation of legal verses of the Quran relating to *ibadat* the contribution of Hamka in the field of interpreting the Quran and the analysis on Hamka's methodology of interpreting the legal verses concerning *ibadat*. The emerging problem, *Tafsir al-Azhar* represents the references of information and knowledge in the societies in Malaysia and Indonesia but its contents prompt several questions and issues in the fields of interpretation and Islamic Law. Hamka has interpreted the legal verses in the Quran pertaining to *ibadat* based on some methodologies which are contradictory to the philosophy of Shāfi‘ī School within the context of local *fiqhī* practice. This is due to the fact that *Tafsir al-Azhar* has not fully complied with the Shāfi‘ī School even though this school of thought has become an integral base for the management of religion in both countries. Hamka has also tended to emancipate his interpretation from any school or *fiqhī* school of thought. This state has ignited various controversy and polemics relating to the appropriateness of his thought particularly with respect to the ruling of *ibadat*. The researcher has deployed two main methods of research; namely data collection and data analysis. The data collection has been undertaken through library-based research to obtain data from primary and secondary sources. The main source is *Tafsir al-Azhar*

and some principal writings of Hamka while the secondary source consists of academic books, journals and other writings. The other research methodology applies the data analysis grounding on three methods which are inductive, deductive and comparative methods. The findings of research prove that the knowledge of interpretation and *fiqh* needs to be integrated to attain the meaning of Quran and that Hamka has been capable to interpret Quran. His interpretation has been compatible with the basic methodology of Quran's interpretation and consistent to the methods of *mufassirīn* and hence makes Hamka qualify as a *mufassir*. The analysis of research has found that there exist fifteen methodologies of Hamka in interpreting the legal verses of Quran regarding ibadat in *Tafsir al-Azhar*. The methodology involves utilising textual evidences sourced from Quran and Sunnah and *Asbāb al-Nuzūl*, articulating the opinions of Islamic scholars and Western scholars, adopting the knowledge of *Sirah*, *Fiqh* and *Qawā'id Fiqhiyyah*, employing the modes of Arabic, English and local languages and exercising personal reasoning, academic knowledge and experience and applying community-based narratives and stories with moral lessons. Further, the findings demonstrate that the methodology of Hamka is consonant with the interpreting method of *fiqhī* school despite the presence of some deficiencies including shoddy arguments and neglect of some legal interpretations of *ibadat* and references of scholars. However, the interpreting methodology of Hamka may be deduced as a methodology that prioritises the principle of interpretation rooting in the Islamic knowledge and becomes updated with academic knowledge and personal experience even though the interpretation relates to the ruling of *ibadat*. This research potentially manifests significant conclusions concerning Hamka's methodology of interpreting the Quran attributable to researchers of the Quran's interpretation and Islamic Law specifically and to *Muslim* communities in the Archipelago generally.

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Pentafsiran al-Quran berperanan mendedahkan kandungan *al-Qur'ān al-Karīm*. Para ulama telah menggunakan tiga kaedah utama pentafsiran al-Quran iaitu pertama; *al-tafsīr bi al-ma'thūr* kedua; *al-tafsīr bi al-ra'yī* dan ketiga; *al-tafsīr bi al-isyārah* (al-Zarqānī, 1995:2:12). Majoriti ulama berpendapat bahawa tafsiran al-Quran secara *ma'thūr* adalah kaedah yang terbaik untuk memahami isi kandungan al-Quran (Fauzi & Mustafa, 2001:61). Ia wajar diikuti kerana mengandungi maklumat yang benar dan merupakan jalan yang paling selamat dalam memelihara diri daripada tergelincir ke arah kesesatan dalam memahami kalam Allah S.W.T (Ibid., 2001:64). Al-Dhahabī (2005:86) menukilkan bahawa menurut kesepakatan ulama, tidak harus ditolak pentafsiran Sahabat yang merupakan klasifikasi daripada tafsiran al-Quran secara *ma'thūr* bahkan wajar diambil oleh *mufassir* tanpa disembunyikannya. Para Sahabat telah mendengar al-Quran dari peringkat permulaan, menyaksikan penurunannya dan menerima daripada Rasulullah S.A.W (Khairuddin, 2013:31).

Penglibatan para Sahabat di zaman Rasulullah S.A.W merupakan peringkat awal perkembangan pentafsiran al-Quran (al-Qaṭṭān, 2000:343). Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, penyampaian ilmu tafsir di kalangan para Sahabat dan Tabi'in berlangsung dalam salah satu cabang pengajian hadith bermula pada awal abad ke-2 Hijrah hingga abad ke-4 Hijrah (Rosmawati, 1997:237). Tafsiran al-Quran belum dibukukan secara rasmi disebabkan tumpuan Sahabat lebih kepada hadith dan kesibukan melaksanakan tugas yang diwariskan daripada Rasulullah. Penyampaian dan

periwayatan tafsiran al-Quran tidak membabitkan perbincangan fiqh dan ilmu kalam secara khusus kerana keadaan masih terkawal daripada perselisihan serius dan belum digagaskan sebarang mazhab.

Selepas zaman Sahabat dan Tabi'in, penulisan tafsiran al-Quran mula berlaku pada zaman *mutāakhirīn* dan zaman moden. Maksud zaman *mutāakhirīn* ialah zaman generasi *mufassir* kedua yang menghasilkan tafsiran al-Quran secara berasingan dengan hadith (Nashruddin, 2003:13). Pentafsiran dan pembukuannya mengalami perkembangan yang paling pesat pada zaman ini. Ia berlangsung selama hampir lapan abad iaitu bermula dari awal abad ke-4 Hijrah hingga abad ke-12 Hijrah (Rosmawati, 1997:237).

Pentafsiran dan pembukuan al-Quran pada zaman moden bermula pada awal abad ke-14 Hijrah, atau akhir abad ke-19 Masihi. Pada masa itu, sebahagian besar negara umat Islam berada di bawah penjajahan Barat dan umat Islam mengalami pelbagai kemelut dan penindasan pihak musuh (Ibid.,:241). Lantaran itu muncul beberapa *mujaddid* Islam yang berjuang menerusi pelbagai wacana termasuk aktiviti penyampaian tafsir al-Quran dan penulisannya. Reformis Islam dan ulama moden telah banyak memasukkan pendapat sendiri tanpa membelakangkan kaedah pentafsiran yang sebenar untuk menimbulkan kesedaran dan semangat ummah kembali kepada Islam dan berjuang menentang penjajahan. Implikasinya lahir pelbagai tafsiran al-Quran yang terisi semangat perjuangan dan pembelaan. Antaranya termasuk Rasyīd Ridā (w.1935 M.), Jamal al-Dīn al-Qasimī (w.1914 M.), Tanṭawī al-Jauharī (w.1940 M.), Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī (w.1952 M.), Sayyid Quṭb (w.1966 M.) dan Hamka (w.1981 M.).

Kebangkitan juga berlaku di alam Melayu dengan kelahiran ramai ulama yang disegani, penulis yang prolifik dan aktivis masyarakat yang dihormati. Menurut Nik Md Saiful Azizi (2013:5), ulama tafsir terkenal di Malaysia satu ketika dahulu ialah Tok

Pulau Manis (w.1736 M.), Tok Kenali (w.1933 M.), Hj. Muhamad Sa‘id (w.1932 M.), Maulana Abdullah Nuh (w.1947 M.), Muhammad Idris al-Marbawi (w.1989 M.), Dato’ Hj. Muhamad Noor Ibrahim (w.1987 M.) dan Syeikh Abdullah Basmeih (w.1996 M.) manakala ulama tafsir paling terkenal di Indonesia ialah Prof. Mahmud Yunus (w.1983 M.) dan Hamka (w.1981 M.) dengan kejayaan menghasilkan tafsir lengkap 30 juz al-Quran (Abdul Rahman, 1990:137).

Hamka boleh dikategorikan sebagai seorang tokoh yang memenuhi ciri-ciri ulama yang disegani, penulis yang prolifik dan aktivis masyarakat yang dihormati (Mohammad Redzuan, 2008:115). Namun begitu, tidak ramai tokoh lain yang dilahirkan memenuhi kesemua ciri istimewa tersebut. Hamka banyak menulis karya sastera dan agama serta terlibat secara khusus menyumbang jasa dalam pentafsiran al-Quran menerusi *Tafsir al-Azhar*. Pemikiran dan etika Islam ditekankan dalam setiap karyanya termasuklah dalam karya sastera (Abdul Rahman, 2008:67).

Beliau amat istimewa dalam konteks rantau alam Melayu kerana menggunakan contoh dan isu tempatan bagi menjelaskan ayat-ayat al-Quran menerusi *Tafsir al-Azhar* (Wan Sabri, 2008:36). Kesannya masyarakat Islam Nusantara dapat memahami kehendak al-Quran dengan lebih sempurna kerana Hamka memasukkan pelbagai metodologi pentafsiran ayat yang menarik. Menurut Yunan (1990:172), kalam pemikiran Hamka yang terdapat di dalam *Tafsir al-Azhar* adalah bercorak rasional. Selain mengaplikasikan pelbagai ilmu warisan ulama terdahulu, beliau juga menambah perisian tafsiran dengan elemen semasa seperti fakta sejarah, unsur sastera dan pandangan ulama moden.

Melalui kajian ini, penulis akan mengkaji dan menganalisis metodologi pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat menerusi sampel kajian utama iaitu *Tafsir al-Azhar* yang merupakan karya terbesar beliau dalam membicarakan

keseluruhan ayat al-Quran. *Tafsir al-Azhar* berperanan memperkayakan lagi kajian tafsir dalam kalangan orang Melayu yang juga merupakan manifestasi kepada keilmuan Islam yang dimilikinya (Mohammad Redzuan, 2008:115).

Para pengkaji syariah dan tafsir perlu menumpukan al-Quran sebagai dalil utama hukum hakam sebelum rujukan sumber hukum yang lain ('Abd al-Karīm, 1996:150). Terkandung di dalamnya ayat hukum tentang perintah Allah S.W.T yang perlu dilaksanakan golongan yang beriman iaitu golongan yang telah dianggap beraqidah dengan jalan yang benar. Mereka yang tidak beraqidah dan yang tidak beriman kepada hukum-hukum syarak tidak akan tertanam di dalam hati untuk melaksanakan hukum Allah S.W.T sebagaimana yang telah dijelaskan dalam nas al-Quran, al-Sunnah dan kitab-kitab fiqh. Hamka selaku ulama Nusantara menyentuh pentafsiran ayat hukum ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar* dan perihal fiqh ibadat dalam karya-karyanya. Di samping itu, pemikiran Tasawuf beliau terhadap pentafsiran ayat berkaitan ibadat amat menonjolkan huraiān tentang hikmat pensyariatan (Abdul Raof, 2012:263). Keperibadian Hamka juga sinonim dengan hal ibadat. Menurut Afif Hamka, ayahandanya adalah seorang yang sentiasa menjaga hubungannya dengan Allah, beliau tidak sesekali cuba merosakkan pertalian itu yakni sentiasa menerapkan kesemua ibadat dalam kehidupan sehari-hari (Akhbar KOSMO, paparan atas talian internet pada 14 Julai 2014). Keperibadian ini menunjukkan Hamka beriltizam dengan ibadat. Beliau ada menegaskan bahawa ibadat adalah satu tugas khas jin dan manusia untuk mengabdi diri kepada Allah. Ibadat perlu dilaksanakan dengan perasaan selaku hamba dan sentiasa tunduk kepada kehendak-Nya (Hamka, 1982:27:38).

Dalam pentafsiran *Tafsir al-Azhar*, Hamka menekankan beberapa contoh aspek fiqh ibadat yang perlu dilaksanakan (Ibid.,:27:38):

Maka dapatlah kita jadikan seluruh hidup kita ini ibadah kepada Allah; sembahyang lima waktu, puasa bulan Ramadhan, berzakat kepada fakir miskin adalah bahagian kecil sebagai pematri dari seluruh ibadat yang umum itu.

Menerusi pentafsiran ayat 56 surah *al-Dhāriyāt*, beliau telah mengulas (Ibid.,:27:37):

Maka datanglah tambah ayat 56 ini bahawasanya Allah menciptakan jin dan manusia tidak ada guna yang lain melainkan buat mengabdikan diri kepada Allah. Jika seorang telah mengaku beriman kepada tuhan, tidaklah dia akan mahu jika hidupnya di dunia ini kosong sahaja. Dia tidak boleh menganggur. Selama nyawa dikandung badan, manusia harus ingat bahawa tempohnya tidak boleh kosong dari pengabdian. Seluruh hidup hendaklah dijadikan ibadat.

Skop pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat dapat dilihat pada permulaan *Tafsir al-Azhar*, beliau telah mula membicarakan soal fiqh secara khusus dalam pentafsiran surah *al-Fatiyah* dengan meletakkan tajuk sampingan *al-Fatiyah Sebagai Rukun Solat*. Ini menunjukkan kesungguhan Hamka dalam mentafsirkan ayat hukum ibadat. Antara kupasan Hamka (Ibid.,:1:95&97):

Oleh kerana *al-Fatiyah* satu surat yang menjadi rukun (tiang) sembahyang, baik sembahyang fardhu yang lima waktu, ataupun sekalian sembahyang sunat dan *nawafil*, maka dalam hal ini tidaklah cukup kita hanya sekadar mentafsir arti *al-Fatiyah*, melainkan kita perlengkapkan lagi dengan hukum atau ketentuan syariat berkenaan dengan *al-Fatiyah*. Segala sembahyang tidak sah kalau tidak membaca *al-Fatiyah*.

Mengiringi *al-Fatiyah* dengan surat-surat yang mudah itu pada sembahyang subuh dan dua rakaat permulaan dari sembahyang yang lain dan pada sembahyang Jumaat. Kalau imam sedang membaca dengan jahar hendaklah maknum berdiam diri dan mendengarkan dengan baik. Yang boleh dibaca ma'mum sedang imam membaca, hanyalah *al-Fatiyah* saja, supaya bacaan imam jangan terggungu.

Hamka mengaitkan kupasan fiqh tersebut dengan ayat 204 surah *al-'Arāf*, beberapa hadith, pandangan pelbagai ulama mazhab tentang pembacaan surah *al-Fatiyah* di dalam solat dan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*. Penghasilan *Tafsir al-Azhar* tidak hanya merujuk

kepada satu mazhab sahaja dalam perbincangan teologi mahupun fiqh. Pendekatan yang digunakan ialah mendekati maksud ayat dengan menghuraikan makna lafaz, memberi sebab penurunan ayat apabila terdapat riwayat dan memberi kesempatan kepada para pembaca untuk berfikir (Abdul Raof, 2012:264).

Hamka juga menekankan wahyu berkaitan ibadat dan pemahaman pelaksanaan ibadat atau fiqh ibadat di dalam karya lain seperti tajuk “*Ibadat dan Hubungannya Dengan Jiwa*” di dalam buku *Iman dan Amal*. Beliau menekankan bahawa ibadat yang dikerjakan dengan penuh keinsafan dan kesedaran akan dapat menghindarkan bahaya-bahaya penyakit jiwa dan badan (Hamka, 1999:87-93). Hamka menyebut ibadat secara khusus iaitu solat, zakat, puasa dan haji di dalam buku *Dari Lembah Cita-Cita* (2008). Penulisannya jelas mementingkan kefahaman dalam menjalankan ibadat teras dan kaifiat ibadat atau fiqh ibadat secara sempurna (Hamka, 2008:19).

Pengkaji memilih ayat-ayat hukum ibadat sebagai landasan dalam mengkaji metodologi pentafsiran Hamka kerana ayat-ayat ini mengandungi pelbagai tafsiran hukum dan berkaitan kewajipan asasi individu muslim. Tambahan pula, Hamka ada mengeluarkan beberapa fakta penting tentang ibadat serta pentafsirannya. Kajian akan melihat apakah kaedah Hamka dalam mentafsirkan ayat tersebut.

Bentuk keseluruhan kaedah beliau dalam mengetengahkan kehendak wahyu dapat dikaji berbanding pengkajian aspek dakwah, politik, sastera, dinamika pemikiran atau *takhrīj* hadith. Penyelidikan dalam soal metodologi akan mengenal pasti sama ada pentafsiran yang berlaku berlandaskan etika pentafsiran yang sebenar dan sesuai dalam konteks perbahasan ayat-ayat hukum ibadat. Dalil-dalil yang digunakan Hamka akan dianalisis sama ada beliau mengetengahkan bentuk pendalilan yang sempurna atau dipinggirkan. Dalam batasan ini, pengkaji akan meninjau pentafsiran ayat-ayat hukum

ibadat adakah banyak ditafsirkan mengikut kaedah *al-ra'yī* atau berpegang sepenuhnya kaedah *al-ma'thūr*.

Setiap *mufassir* mempunyai gaya susunan karya tafsir yang tersendiri. Karya tafsir al-Quran perlu disampaikan kepada manusia mengikut keperluan semasa dan keadaan ini dapat dinilai berpandukan bentuk-bentuk pentafsiran yang muncul zaman-berzaman. Bermula dengan susunan penerangan secara ringkas bagi istilah al-Quran hingga muncul karya tafsir yang memberi penjelasan panjang (Khairuddin, 2013:159). Susunan pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat akan dikesan sama ada secara *tafsīr al-ijmālī*, *tafsīr al-taḥlīlī* atau *tafsīr al-mawdū'ī*.

Konsep pentafsiran Hamka juga dapat dikenalpasti melalui kajian ini. Konsep pentafsiran yang sering digunakan para ulama ialah konsep penampilan hukum seperti kitab *Āhkām al-Qur'ān li al-Imām al-Shāfi'i* (al-Baīhaqī, 1990), *al-Jāmi' li Āhkām al-Qur'ān* (al-Qurṭubī, 2000), *Āhkām al-Qur'ān* (Ibn al-'Arabī, 1994) dan *Rawā'i al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Āhkām min al-Qur'ān* (al-Šābūnī, t.t.), berkonsep *harakī* seperti *Fi Zilāl al-Qur'ān* (Syed Quṭb, 2005) dan *Tafsīr al-Manār* (Rasyid Riḍā, 1995), berkonsep Tasawuf seperti *Laṭāif al-Isyārāt* ('Abd al-Karīm, 1999), *al-Futūhāt al-Makkiyyah* (Ibn 'Arabī, t.t.). Melalui kajian ini, pentafsiran ayat-ayat fiqh akan dianalisis kecenderungannya sama ada berkonsep pentafsiran fiqh secara mutlak atau berkonsep cenderung ke arah Tasawuf atau berkonsep *Harakī*. Konsep pentafsiran Fiqh mutlak yang sering digunakan *mufassir* ialah seperti tafsir mengeluar hukum ayat sahaja (*tafsīr āyāt al-āhkām*), fiqh secara mudah (*fiqh al-muyassar*), fiqh secara mengemukakan dalil (*fiqh al-dalīl*), fiqh empat mazhab (*fiqh al-madhāhib al-arba'ah*), atau fiqh berdasarkan satu aliran mazhab.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat Indonesia dan Malaysia telah meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap *Tafsir al-Azhar*. Namun karya ini tidak terlepas daripada aspek kekurangan dan kesamaran fakta yang memerlukan panduan khas bagi memahami kandungannya (M. Arief, 2007:9). Beberapa aspek kekurangan berlaku seperti sumber dan kaedah pentafsirannya dinyatakan secara ringkas sahaja menerusi tajuk *Menafsirkan al-Quran* (1982:25) dan *Haluan Tafsir* (1982:40). Kebanyakan rujukan dalaman pentafsiran tidak dinyatakan secara konsisten dan terperinci (M. Arief, 2007:9).

*Tafsir al-Azhar* mengandungi bentuk pentafsiran yang menyeluruh dan juga pentafsiran yang terlalu ringkas. Pentafsiran yang terlalu ringkas dalam bentuk pentafsiran ayat yang masih terikat dengan kaedah terjemahan secara *harfiyyah* iaitu menampilkan satu persatu makna ayat al-Quran dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu tanpa melalui pentafsiran lebih menyeluruh. Ini dapat dilihat menerusi tafsiran seperti ayat 33 *Surah al-Baqarah*, ayat 23 *Surah al-Nahl*, ayat 42 *Surah al-Shu‘arā’* dan ayat-ayat dalam *Surah ‘Abasa*, *Surah al-Muṭaffifīn* dan *Surah al-Inshīqāq* yang terletak dalam juz terakhir al-Quran. Satu penelitian diperlukan untuk meneliti pentafsiran dan metodologi yang telah digunakan Hamka dalam konteks tersebut.

Menurut Wan Sabri (2008:17), kaedah penyusunan penulisan pula masih lagi dibawah pengaruh karya Timur Tengah. Berdasarkan kenyataan ini, timbul kemosyikilan sama ada konsep pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat Hamka turut terpengaruh dengan karya Timur Tengah seperti *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān*, *Aḥkām al-Qurān li al-Syāfi‘ī* dan *Aḥkām al-Qur’ān*.

Ismail (1987:190) menyatakan bahawa *Tafsir al-Azhar* mempunyai saingen dengan kitab tafsir yang lain kerana tafsiran guru-guru lulusan India dan Mesir lebih luas dan mendalam. Kenyataan ini berasaskan keadaan karya Timur Tengah adalah

lebih dikenali dan telah dijadikan rujukan dalam dunia Islam. Meskipun begitu, kenyataan ini tetap menjadi cabaran kepada *Tafsir al-Azhar* yang menjadi antara kitab tafsir yang tersohor di Nusantara. Kelebihan atau perbezaan yang terkandung di dalamnya menuntut satu kajian kritis dijalankan bagi membuktikan ketokohan dan metodologi Hamka tersendiri berbanding karya-karya tafsir yang lain.

*Tafsir al-Azhar* menjadi sebahagian rujukan ilmu dan mendapat tempat dalam pasaran masyarakat Indonesia dan Malaysia. Walau bagaimanapun kandungan kitab tafsir ini tidak menerapkan sepenuhnya Mazhab Shāfi‘ī yang menjadi dasar utama pengurusan agama bagi masyarakat di kedua buah negara. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, semua enakmen pentadbiran agama Islam negeri-negeri menyatakan tentang penggunaan Mazhab Shāfi‘ī dalam pengeluaran fatwa dan tafsiran hukum dan amalannya kecuali dengan pendapat Mazhab Shāfi‘ī membawa keburukan terhadap masyarakat maka mazhab empat yang lain akan diterima pakai (Abdul Halim, 2010:t.h.).

Sebagai contoh dalam konteks perjalanan hukum di negeri Kedah, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya perlu mengikut *qaūl mu‘tamad* Mazhab Shāfi‘ī berlandaskan al-Quran, hadith, *ijmā’ ‘ulamā’* dan *qiyās*. Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qaūl muktamad* Mazhab Shāfi‘ī suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qaūl mu‘tamad* daripada Mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Ḥanbalī setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan (Warta Kerajaan Kedah, 2008:273). Begitu juga dalam perjalanan bidang hukum syarak juga perlu mengikut Mazhab Shāfi‘ī atau mengikut mana-mana satu daripada pendapat Mazhab Ḥanafī, Mālikī atau Ḥanbalī (Ibid.,:476).

Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 juga menyatakan pegangan terhadap apa-apa fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qaūl mu'tamad* Mazhab Shāfi‘ī (*Enakmen pentadbiran agama Islam negeri Selangor 2003*,<http://www.muftiselangor.gov.my/ms/enakmen>). Peruntukan tersebut juga didapati selari dengan pegangan hukum syarak di dalam pentadbiran undang-undang Islam di peringkat Wilayah Persekutuan seperti Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan (*Akta pentadbiran undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993* <http://www.mswp.gov.my>). Dapat difahami bahawa pihak bertanggungjawab di Malaysia sememangnya terikat dengan mazhab ini dalam menentukan hukum ke atas sesuatu benda, perkara dan amalan (Anisah, 2007:185).

Dalam situasi Indonesia pula, Mazhab Shāfi‘ī mempunyai pengaruh besar terhadap kaum muslimin (Poesponegoro & Notosusanto, 2008:175). Ini dibuktikan dengan dasar pentadbiran Peradilan Agama Indonesia terhadap masyarakat telah ditetapkan berlandaskan Mazhab Shāfi‘ī semenjak tahun 1976 (Abd Rahman, 1992:18). Justeru, *Tafsir al-Azhar* berpotensi mengundang persepsi negatif bahawa terkandung di dalamnya pertentangan amat kritikal dengan pendapat Mazhab Shāfi‘ī. Meskipun *Tafsir al-Azhar* dikenali ramai dalam pasaran tempatan namun masyarakat Indonesia dan Malaysia belum didedahkan dengan kajian terperinci yang mengesahkan metodologi pentafsiran dan perspektif fiqh ibadat *Tafsir al-Azhar* adalah sesuai dijadikan rujukan secara teori dan praktikal.

Hamka mempunyai kecenderungan membebaskan pentafsirannya daripada terikat dengan sesuatu mazhab atau aliran pemikiran fiqh secara tetap. Hamka menyatakan (Hamka, 1982:1:41):

Mazhab yang dianuti oleh Pentafsir ini adalah Mazhab Salaf, iaitu Mazhab Rasulullah dan sahabat-sahabat beliau dan Ulama-ulama yang mengikuti jejak beliau. Dalam hal akidah dan ibadah, semata-mata taslim artinya menyerah dengan tidak

banyak tanya lagi. Tetapi tidaklah semata-mata taqlid kepada pendapat manusia, melainkan meninjau mana yang lebih dekat kepada kebenaran untuk diikuti, dan meninggalkan mana yang lebih jauh menyimpang. Meskipun penyimpangan yang jauh itu, bukanlah atas suatu sengaja yang buruk dari yang mengeluarkan pendapat itu.

Pengkaji mendapati Hamka ada mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat berdasarkan sebahagian metodologi yang bertentangan dengan prinsip pegangan Mazhab Shafī‘ī dalam konteks amalan fiqh tempatan. Sebagai contoh, dalam pentafsiran ayat 6 *Surah al-Māidah*, Hamka berpegang kepada pendapat Mazhab Ḥanafī dan Mazhab Ahli Baīt yang menyatakan batal wuduk hanya apabila berlaku persetubuhan antara lelaki dan perempuan. Pendapat ini bertitik tolak pada pemahaman pada kalimah “*lamastum*” yang berasal daripada kalimah “*mulāsamah*” yang bererti saling bersentuhan iaitu persetubuhan (Hamka, 1983:6:147-149). Manakala Mazhab Shafī‘ī pula berpegang kepada pendapat bahawa sentuhan lelaki atau suami secara langsung terhadap isterinya atau wanita yang halal berkahwin dengannya adalah membatalkan wuduk. Antara faktor hukum ini ialah pemahaman terhadap kalimah “*lāmastum*” daripada *qirāat mutawātir* adalah bererti sentuhan (al-Khin et al., 1992:1:63).

Mazhab Shafī‘ī telah menetapkan jarak yang membolehkan perlaksanaan *Solat Qaṣar* ialah pada jarak empat *burud* iaitu 16 *farsakh* yang menyamai lebih kurang 81 kilometer (*Ibid.*,;1:190). Hamka turut mempunyai pendapat yang berbeza dalam hal ini. Dalam pentafsiran ayat 101 *Surah al-Nisā’*, beliau bersepakat dengan pendapat Sayyid Rashīd Riḍā yang menyatakan tiada ukuran jarak secara khusus dalam menentukan pelaksanaan *Solat Qaṣar* kerana keharusan pelaksanaan adalah bergantung kepada status perjalanan sama ada dalam keadaan musafir atau perjalanan biasa (Hamka, 1983:5:101-102).

Hamka juga mempunyai pendapat berbeza dengan Mazhab Shafī‘ī dalam permasalahan jumlah ahli jemaah Solat Jumaat. Dalam pentafsiran ayat 9 *Surah al-*

*Jumu'ah*, beliau berhujah bahawa jumlah telah dibincangkan dalam pelbagai pendapat yang berbeza-beza disebabkan tiada nas yang jelas. Justeru, apabila terdapat sahaja beberapa individu muslim lelaki, baligh dan bermastautin maka Solat Jumaat sudah boleh dilaksanakan (Hamka, 1985:28:186). Pendapat ini tidak sejajar dengan pendapat Mazhab Shāfi‘ī yang menyatakan tidak sah Solat Jumaat apabila hadirin tidak mencukupi bilangan 40 orang. Pendapat ini diambil berdasarkan hadith riwayat al-Baīhaqī yang menyatakan Solat Jumaat pernah dilaksanakan dengan jumlah tersebut di zaman Rasulullah S.A.W (al-Khin et al., 1992:1:202). Berdasarkan contoh-contoh ini, pengkaji mendapati Hamka mempunyai pendapat yang berbeza dengan amalan fiqh tempatan. Oleh itu, timbul keperluan supaya pendapat dan metodologi pengeluaran pendapat Hamka dapat dikaji sama ada bersumberkan disiplin pentafsiran atau disebaliknya.

Pentafsiran Hamka membicarakan banyak pendapat fiqh dan aliran pemikiran. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai kontroversi dan polemik tentang kesesuaian pemikiran beliau terutama dalam hal hukum ibadat. Hamka telah dikaitkan dengan tuduhan sesat, wahabi, keluar daripada mazhab fiqh dan tidak menghormati ulama (diambil dari web <http://drmaza.com/> Prof. Hamka: Semangat Ayah dan Fitnah, 22 mei 2014). Hamka mengakui wujud dakwaan sebegini (Hamka, 2009:76-77):

Bagi kami yang dikatakan kaum muda itu tidaklah keberatan jika dituduhkan wahabi. Kalau 20 tahun atau 30 tahun yang lalu semasa pengetahuan agama hanya boleh dipercayai mufti-mufti sahaja mungkin orang takut dikatakan wahabi tetapi sekarang orang telah tahu bahawa wahabi tidak lain adalah daripada pengikut mazhab Hanbali dan memang mazhab Hanbali terkenal mazhab yang keras mempertahankan sunnah. Dan yang berpengaruh memperbarui fahaman mazhab Hanbali itu ialah Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qaiyyim. Oleh sebab itu bagi kami dituduh wahabi bukanlah satu penghinaan.

Permasalahan ini perlu dirungkaikan supaya elemen kontroversi yang timbul ditangani sebagai isu kecil dan sekadar pertentangan pendekatan atau pendapat di kalangan *mufassir*.

Ketokohan Hamka dalam lapangan pentafsiran al-Quran terbukti dengan penghasilan *Tafsir al-Azhar* yang memuatkan keseluruhan kandungan 30 juz al-Quran. Namun demikian, metodologi beliau terhadap pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat belum dijadikan bahan kajian para pengkaji tafsir secara khusus. Pentafsiran beliau yang padat dengan fakta dan gabungan ilmu bercorak Islam dan akademik telah menyukarkan penelitian terhadap metodologi yang digunakannya. Menerusi kajian ini, masalah atau isu dalam pengutaraan dalil, pendapat ulama dan keilmuan Hamka akan didedahkan dan dikenalpasti beberapa kelebihan.

Metodologi pentafsiran dan hukum ibadat menurut perspektif Hamka sukar dikesan secara langsung kerana ia terkandung dalam karya tafsir yang panjang dan tidak dibatasi dengan tema pentafsiran ayat hukum. Tambahan pula Hamka mengabungkan konsep fiqh dengan konsep Akidah atau Tasawuf, dan beralaskan pelbagai latar ilmu dan kaedah pendalilan. Kebiasaan ulama yang menjalankan pentafsiran ayat hukum akan mewujudkan tafsiran khusus dengan mengeluarkan ayat-ayat hukum daripada keseluruhan kandungan al-Quran untuk dibahaskan. Pendekatan ini pernah dijalankan ulama seperti al-Baīhaqī (w. 458 H.), Ibn al-‘Arabī (w. 543 H.) dan al-Şābūnī (l. 1347 H.).

Kaedah ulama fiqh dalam menganalisis sesuatu dokumen akan berbeza dengan pendekatan yang digunakan Ulama Tasawuf atau Ulama Siasah. Analisis mereka bergantung kepada maksud yang hendak diperolehi (Mohd Saufi & Hasan, 2005:1). Seterusnya masalah kajian ini ialah mengenalpasti kaedah utama Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat. Pentafsiran beliau bukan sahaja melibatkan ayat-

ayat *muḥkamāt* bahkan melibatkan pelbagai ayat yang berpaksikan ilmu Aqidah dan Tasawuf. Pentafsiran Hamka berkeadaan rumit kerana menyentuh pentafsiran ayat-ayat yang bukan sahaja berkaitan fiqh ibadat bahkan menyentuh pecahan fiqh yang lain seperti fiqh *mu‘āmalāt*, *jināyāt* dan jihad. Pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat dibimbingi telah ditafsirkan berdasarkan fiqh dan ilmu yang tidak bersesuaian dan pentafsiran yang tidak tepat. Justeru, Kajian ini akan meneliti satu persatu metodologi yang diaplikasikan sama ada selari dengan fokus pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat.

Secara rambang, pentafsiran ayat hukum ibadat Hamka mengaplikasikan metodologi seperti pendalilan al-Quran dan al-Sunnah, pendapat ulama dan pengeluaran hukum. Dalam konteks ini, pengkaji telah mengesan sebahagian metodologi Hamka yang dikemukakan secara lengkap dan tidak lengkap. Terdapat juga pentafsiran yang lebih memuatkan ilmu sampingan seperti Sains dan pengalaman peribadi berbanding kaedah pendalilan utama. Kebiasaan pentafsiran al-Quran berkaitan ayat hukum diperteguhkan dengan dalil syarak melebih unsur ilmu yang lain seperti kandungan kitab *al-Jāmi‘ li al-Aḥkām al-Qur’ān* (2000) dan *Rawā'i al-Bayān fī Tafsīr Āyat al-Aḥkām min al-Qur’ān* (t.t.).

Dalam pernyataan hukum ibadat dalam pentafsiran, Hamka mengemukakan ijtihad hukum seperti wajib, sunat, makruh dan haram dan kadang kala tidak menonjolkan hukum dengan jelas sama ada wajib, sunat, makruh atau haram. Contoh pentafsiran ini berlaku pada ayat 198 *Surah al-Baqarah*, ayat 34 *Surah al-Taubah*, ayat 114 *Surah Hūd*, ayat 27 *Surah al-Haj*, ayat 36 *Surah al-Nūr* dan ayat 27 *Surah al-Fath*. Di samping itu, wujud pentafsiran yang disandarkan kepada pandangan para ulama tetapi tidak dinyatakan status hukum yang sebenarnya seperti pentafsiran pada ayat 158, 200 dan ayat 203 *Surah al-Baqarah*, ayat 60 *Surah al-Taubah* dan ayat 6 *Surah al-Māidah*. Melalui penelitian yang dijalankan, pengkaji menganalisis keseluruhan

penyataan hukum dengan cara mengasingkan pendapat Hamka, mazhab-mazhab dan ulama yang sering dijadikan rujukan dalam permasalahan fiqh ibadat.

Menurut Nik Md Saiful (2013:2), metodologi pentafsiran yang tidak tepat terutama meninggalkan kaedah *al-tafsīr bi al-ma’thūr* akan menyebabkan pentafsiran tersasar daripada maksud sebenar penurunan al-Quran. Contoh karya-karya tafsir terdahulu yang mempunyai jalan periwayatan pentafsiran dan bertaraf *ma’thūr* adalah seperti *Jāmi‘ al-Bayān fi Tafsīr al-Qur’ān* (al-Tabarī, 2005), *al-Jāmi‘ li al-Ahkām al-Qur’ān* (al-Qurtubī, 2000) dan *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Ibn Kathīr, 2000).

Berdasarkan kenyataan para pengkaji, *Tafsir al-Azhar* selaku tafsir moden didapati mempunyai beberapa perbezaan ketara dari kaedah pentafsiran dan periwayatan. Kajian Abdul Rouf (2012:263) menyatakan secara umumnya bahawa kaedah pentafsiran *al-Ra’yī* begitu ketara di dalam *Tafsir al-Azhar*. Kajian Mohd Saufi Ismail dan Hasan Bahrom (2005:256) pula menjelaskan bahawa *Tafsir al-Azhar* dan karya tafsir Nusantara yang lain seperti *Tafsir al-Misbah* dan *Tafsir al-Quran al-Majid al-Nur* jelas mengutamakan kaedah *al-tafsīr bi al-ra’yī* kerana pentafsiran ayat mengutamakan akal fikiran para *mufassir*. Ini dapat dilihat berdasarkan metodologi penggunaan bahasa dan ilmu-ilmu sampingan selain ilmu teras Islam. Menurut Wan Sabri (2008:17), pentafsiran Hamka berkeadaan kompleks. Ini kerana Hamka mengakui bukan sahaja menggabungkan gaya tafsir klasik dan moden bahkan menggunakan tafsir *Sunnī*, *Mu’tazilī* dan *Shī‘ī*. Justeru, penganalisisan terhadap *manhaj* pentafsiran ayat-ayat fiqh ibadat wajar dilakukan dalam mengkaji aspek keberadaan kaedah *al-tafsīr bi al-ma’thūr* meskipun secara umumnya kaedah *al-tafsīr bi al-ra’yī* lebih menguasai kandungan *Tafsir al-Azhar*. Di samping itu, penganalisisan wajar dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana pengaruh rujukan pentafsiran selain daripada pegangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.

Pengkajian tentang keilmuan dan teks keseluruhan *Tafsir al-Azhar* terutama ayat-ayat hukum ibadat amat diperlukan bagi merungkai beberapa kekeliruan. Masyarakat Malaysia dan Indonesia yang cukup sinonim dengan *Tafsir al-Azhar* akan terus berkeyakinan dengan peninggalan ilmu Hamka dan berpeluang mengamati panduan fiqh ibadat yang lebih khusus. Seterusnya *Tafsir al-Azhar* berupaya bersaing di era globalisasi apabila pentafsirannya dapat dibuktikan selari dengan kaedah syarak dan berasaskan ilmu-ilmu semasa.

### **1.3 SOALAN KAJIAN**

Soalan yang diberikan tumpuan utama ialah apakah metodologi yang diaplikasikan Hamka ketika menafsirkan ayat-ayat hukum ibadat? Manakala soalan-soalan lain secara spesifik adalah sebagai berikut:

- a. Apakah konsep ilmu tafsir?
- b. Apakah konsep pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum ibadat dalam al-Quran?
- c. Sejauhmanakah ketokohan Hamka dalam lapangan pentafsiran al-Quran?
- d. Bagaimanakah Hamka menghasilkan *Tafsir al-Azhar*?
- e. Apakah metodologi pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar*?
- f. Bagaimanakah bentuk dan kandungan metodologi pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat?

### **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini adalah untuk memahami kaedah yang diaplikasikan Hamka ketika mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat di dalam *Tafsir al-Azhar*.

Objektif-objektif yang khusus pula ialah:

- i. Untuk mengkaji konsep ilmu tafsir al-Quran dan pentafsiran terhadap ayat-ayat hukum ibadat dalam al-Quran.
- ii. Untuk mengkaji sumbangan Hamka dalam bidang pentafsiran al-Quran.
- iii. Untuk menganalisis metodologi Hamka dalam mentafsirkan ayat-ayat hukum ibadat.

## 1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dalam usaha mengetengahkan sebuah manuskrip berkaitan ilmu tafsir al-Quran, kajian biografi Hamka selaku ulama' tersohor Nusantara dan penglibatan beliau dalam pentafsiran al-Quran. Kajian akan membuktikan bahawa mempelajari ilmu tafsir adalah satu kewajipan dalam merealisasikan maksud al-Quran yang mesti dijadikan pedoman oleh warga kehidupan yang terdiri daripada golongan pelajar, pendidik dan individu muslim.

Hamka mengaplikasikan kaedah pentafsiran dengan berlandaskan pelbagai disiplin ilmu. Sebagai contoh, beliau telah mengaitkan *Surah al-Fātihah* dan ayat 79 surah *al-Wāqi‘ah*, ilmu *Tārīkh Maṣḥaf*, catatan pengalaman peribadi menghadiri Konferensi Kebudayaan Islam pada tahun 1962 dan mentafsirkan takwa berdasarkan ijтиhad sendiri untuk menyokong pentafsirannya. Kaedah ini penting untuk diamati kerana pentafsiran dijalankan berdasarkan pelbagai dimensi ilmu dan membawa mesej pentafsiran bersifat semasa.

Pentafsiran ayat hukum ibadat berlaku dalam penyataan ayat berkaitan hukum ibadat fardhu ain. Kajian ini amat diperlukan untuk meneliti metodologi pentafsiran Hamka yang berperanan menerangkan kehendak hukum Allah S.W.T. Implikasinya, semua pihak dapat mengamati bagaimana terhasil pentafsiran ayat hukum ibadat yang menjadi teras kepada syariat Islam.

Hasil kajian ini penting terutama terhadap generasi muda terbabit yang mempunyai kemahiran ilmu fardhu kifayah untuk disatukan dengan dasar ilmu fardhu ain iaitu al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Pengkaji akan berusaha menampilkkan Hamka sebagai contoh ikutan lantaran beliau seorang ulama yang mempunyai pengetahuan ilmu *duniawi* dan *ukhrawi* yang telah dicurahkan menerusi *Tafsir al-Azhar*. Tidak mustahil pada satu hari kelak akan muncul penganti Hamka di kalangan pelajar apabila mereka beriltizam dengan ilmu-ilmu Islam sebagai kombinasi dengan ilmu sedia ada.

*Tafsir al-Azhar* dapat dianalisis dengan mendalam menerusi pengkajian ayat fiqh ibadat yang terkandung dalamnya. Kajian terhadap manuskrip tafsir moden seperti *Tafsir al-Azhar* sangat penting bagi membuktikan karya masa kini tidaklah tersasar daripada disiplin ilmu dan tetap memberi sumbangan ilmiah dalam dunia pentafsiran al-Quran. Dapatkan kajian mampu memberi jawapan sama ada Hamka telah menghasilkan pentafsiran ayat-ayat hukum ibadat yang sejajar dengan syarak atau kurang menepati syarak.

Ayat-ayat hukum ibadat menjadi keutamaan kajian kerana ia merupakan jalan awal syariah sebelum aspek syariah lain yang ditentukan Allah S.W.T. Keunikan pemikiran atau keterbatasan pemikiran syariah Hamka dapat ditinjau dan dijadikan rumusan penting. Pengkaji berusaha mengesan pemikiran, mazhab, pengaruh, kekuatan atau kekurangan metodologi beliau dalam pentafsiran al-Quran berhubung lapangan syariah.

Kajian seumpama ini belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji. Pengkajian ini diharap dapat dilihat sebagai satu inisiatif mempertahankan pentafsiran al-Quran, memperkenalkan Hamka dengan lebih dekat dan mendedahkan keistimewaan kaedah pentafsiran beliau kepada warga Malaysia dan ceruk rantau Nusantara.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian adalah menumpukan pada bidang tafsir dan syariah. Kajian ini mengkhususkan kajian berhubung teks *Tafsir al-Azhar* dengan fokus utama bertemakan isu metodologi pentafsiran Hamka terhadap ayat-ayat hukum ibadat. Ia dapat dijustifikasi pada batasan kajian seperti berikut:

- i. **Tokoh:** Justifikasi pemilihan Hamka kerana beliau adalah ulama yang berpengaruh di Nusantara dan terbukti mahir dalam pelbagai bidang ilmu termasuk bidang sastera dan mempunyai kefahaman terhadap ilmu fardhu kifayah seperti Sains dan Sejarah. Kepakaran Hamka terserlah dalam pentafsiran al-Quran melalui manuskrip *Tafsir al-Azhar*. Pemikiran, sumbangangan dan pengaruh Hamka wujud di Indonesia dan Malaysia.
- ii. **Sampel kajian utama:** *Tafsir al-Azhar* disusun dalam bentuk sistematik yang mudah ditelah kandungan fakta yang terkandung di dalamnya. Tambahan pula, Hamka berjaya menyusun dalam bentuk lengkap 30 juz al-Quran. Ini merupakan satu kelebihan dalam penulisan tafsir berbanding kitab-kitab ulama tempatan yang lain. Antara keistimewaan yang cukup ketara ialah pentafsiran *Tafsir al-Azhar* diselitkan dengan ilmu semasa seperti astronomi dan biologi dalam terma ilmu sains moden dan catatan peristiwa semasa dalam terma ilmu sejarah.
- iii. **Tema dan batasan kajian:** Tema metodologi pentafsiran Hamka dipilih kerana pengkaji ingin menumpukan pada skop ayat-ayat hukum ibadat yang merupakan sebahagian dalil syariat dan tuntutan lahiriah yang wajib didahulukan setiap muslim. Tambahan pula, ayat-ayat hukum mempunyai kesinambungan cabang ilmu yang lain seperti ayat hukum Akidah dan Tasawuf. Apabila klasifikasi ayat ini dipilih, pengkaji secara tidak langsung turut berpeluang mengamati beberapa

nilai ilmu Akidah dan Tasawuf yang disentuh Hamka dalam pentafsiran ayat hukum ibadat.

Tumpuan kajian adalah pada 126 ayat-ayat hukum ibadat yang diutarakan Hamka di dalam *Tafsir al-Azhar*. Ayat-ayat hukum ibadat berkenaan dipilih berlandaskan kenyataan Hamka tentang ibadat iaitu solat, zakat, puasa dan haji (2008:19) dan ayat-ayat yang berkaitan ibadat seperti *tahārah*, *sujud tilāwah* dan pembacaan al-Quran.

## 1.7 TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian dan penulisan ilmiah yang menyentuh perbincangan ilmu *Uṣūl al-Tafsīr*, metodologi pentafsiran karya-karya tempatan, biografi Hamka dan fiqh ibadat. Kajian wujud berdasarkan konsep pentafsiran al-Quran dan ketokohan Hamka yang boleh didapati dalam bentuk kitab pengajian Islam, tesis peringkat pengajian tinggi, jurnal dan buku ilmiah. Tinjauan literatur disenaraikan seperti berikut:

### I) Kajian ilmu *Uṣūl al-Tafsīr*:

Perbincangan mengenai perkembangan al-Quran pada zaman awal Islam dan prinsip-prinsip ilmu tafsir diuraikan di dalam tulisan Fauzi dan Mustafa (2001) iaitu *Pengantar Usul Tafsir*. Karya ini merupakan rujukan dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Hadith, Universiti Malaya.

Dua buah karya Sa‘id Hawā yang diterbitkan pada tahun 2003 dan 2005 yang bertajuk *al-Asās fī al-Tafsīr* dan *al-Islām* menyumbang informasi berguna kepada pengkaji berkaitan kandungan al-Quran, peranannya dan perkembangan penurunan wahyu. Karya ini dinilai sebagai medium ilmu yang kompleks kerana beliau menggunakan pendekatan huraiyan padat, bahasa yang mendalam dan perkaitan dengan suasana masa kini. Kaedah yang diaplikasikan Sa‘id Hawā ialah tafsiran berdasarkan